

Struktur batu konkrit yang dibina bersebelahan ban sebagai benteng alternatif.

Hakisan sungai ancam ban penahan

Semakin hari semakin teruk, penduduk bimbang masalah berlaku sejak lebih 30 tahun

KUALA SELANGOR - Penduduk di Kampung Teluk Piah dan Sepakat melihat hakisan sungai yang didakwa semakin hari semakin teruk di sepanjang tebing sehingga dikhuatiri mengancam ban penahan yang dibina sepanjang sungai.

Sinar Harian difahamkan, hakisan sungai yang berlaku sejak lebih 30 tahun lalu menyebabkan jarak tebing hingga ke ban hanya 10 meter sahaja dan menjadi semakin teruk sejak setahun kebelakangan ini.

Tidak mahu hakisan sungai di kawasan teluk menjadi lebih teruk, lebih 1,000 penduduk memohon keprihatinan kerajaan negeri dan jabatan berkaitan supaya dapat memantau keadaan itu sebelum kejadian tak diingini berlaku.

Ketua Kampung Sepakat, Salehuddin Miswan, 45, berkata, rata-rata penduduk bimbang apabila melihat hakisan sungai di dua kampung itu semakin hari semakin teruk sehingga menghakis rizab sungai.



Manikavasagam (dua, kiri) melihat kawasan ban yang diadukan ketua kampung di kawasan Teluk Piah.

Menurutnya, sebelum ini banyak aduan dipanjangkan kepada pihak berkenaan supaya dapat memantau sekali gus memberi jaminan kepada penduduk supaya ban masih selamat digunakan atau tidak.

"Kita tak tahu nak bagi tahu penduduk sama ada ban masih selamat atau tak memandangkan hakisan tebing sungai boleh dilihat dengan jarak dekat dan penduduk khu-

atir rumah mereka dinaiki air ketika air pasang besar.

"Kalau air pasang besar memang ada melimpah ke ban tapi sekarang ini belum melimpah sampai membanjiri kawasan penempatan penduduk," katanya.

Salehuddin berkata, penduduk tidak mahu kejadian tidak diingini berlaku disebabkan tiada maklumat awal diberikan kepada mereka sama

ada hakisan itu masih pada tahap normal atau kritikal.

"Lagipun banyak projek perumahan dibina berhampiran sungai ini memandangkan pemaju ada menjanjikan mahu bina pusat rekreasi di kawasan ini," katanya.

Ban masih selamat

Sementara itu, Penyelaras Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) Dun Bukit Melawati,

S Manikavasagam yang turut meninjau kawasan aduan bersama ketua kampung mendapati struktur ban masih kukuh.

Menurutnya, sebelum ini dia sudah melawat Kampung Sepakat memandangkan ada aduan berhubung ban pecah dan sudah dipanjangkan kepada pihak berkenaan untuk tindakan lanjut.

"Bagaimanapun, hasil tinjauan dan penerangan pihak berkenaan mendapati hakisan sungai masih terkawal dan hanya dilihat agak teruk di kawasan teluk iaitu berhampiran Kampung Teluk Piah.

"Hasil perbincangan dengan pihak pemaju yang mempunyai inisiatif sendiri untuk menjaga dan memelihara kawasan tebing, mereka turut membina ban tambahan berbentuk konkrit," katanya.

Jaminan pemaju bina ban 3.6 meter

Sebelum ini, pembangunan projek perumahan di kawasan pesisiran sungai turut

menimbulkan rungutan penduduk apabila mereka mendakwa bakal berdepan risiko ban pecah sekiranya projek luar kawalan.

Lebih-lebih lagi, tumpuan pembeli lebih memfokuskan tawaran pemandangan sungai yang menjadi tarikan sekali gus membuatkan permintaan terhadap projek perumahan berhampiran sungai meningkat.

Bagaimanapun, penduduk di Kampung Teluk Piah terutamanya pembeli projek di Taman Perumahan Kuala Selangor Utama tidak perlu bimbang berhubung risiko ban penahan hakisan sungai berhampiran projek itu pecah berikutan dikawal selia jabatan bertanggungjawab.

Jaminan itu disahkan sendiri Pengarah Eksklusif LCK Holding Sdn Bhd, Kenny Lim apabila mengulas isu desakan dan kebimbangan penduduk melihat projek perumahan yang dimajukan pihaknya yang didakwa menghampiri kawasan ban sekali gus risiko berlakunya ban pecah.

Menurutnya, pembeli dan penduduk tidak perlu risau kerana infrastruktur ban yang dibina jabatan berkaitan kukuh dan difahamkan setinggi 3.6 meter mampu menghalang berlakunya banjir besar sekiranya musim tengkujuh.

"Pihak pemaju juga mengambil langkah berjaga-jaga dan mematuhi peraturan sedia ada sepanjang melaksanakan projek perumahan bagi fasa kelima selain membantu bersama menjaga infrastruktur ban agar tidak terusik," katanya.



Struktur jeriji besi yang dipasang untuk pembinaan ban batu konkrit.



Manikavasagam (kanan) bersama penduduk melihat sungai berhampiran ban yang didakwa terhakis.